

Baca dan fahami petikan. Kemudian, catat maklumat dalam jadual yang berikutnya.



Bendera Malaysia terdiri daripada empat warna, iaitu merah, putih, biru dan kuning. Bendera Malaysia mengandungi 14 jalur yang berwarna merah dan putih. Bendera Malaysia dikenal juga sebagai Jalur Gemilang.

Warna merah melambangkan keberanian rakyat di negara ini yang tiada tolak bandingnya. Warna putih pula melambangkan kesucian negara yang dianggotai oleh 13 buah negeri dan sebuah persekutuan. Warna biru melambangkan perpaduan rakyat berbilang kaum, manakala warna kuning pada anak bulan dan bintang melambangkan kedaulatan raja-raja Melayu.

Selain itu, anak bulan melambangkan agama Islam sebagai agama rasmi negara. Bintang pecah 14 pula melambangkan perpaduan bagi 13 buah negeri dan persekutuan.

Nama	
Maksud warna dan lambang pada bendera	
Merah	
Putih	
Biru	
Kuning	
Anak bulan	
Bintang pecah 14	